

SEPTEMBER
2021

*Aspirasi
Kejemahterangan*

PKNP

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PAHANG

PENGGERAK

EDISI KOMPUTER | www.pknpp.gov.my



Sembah Tahniah

Merafak sembah dan setinggi-tinggi Sembah Tahniah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang Tengku Mahkota Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah ibni Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah sempena Memuliakan Ulang Tahun Hari Keputeraan Yang ke-26 Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku pada 17 September 2021 bersamaan 10 Safar 1443H.

Pacal-pacal sekalian mendoakan moga-moga Allah S.W.T mengurniakan kesihatan yang afiat, dilanjutkan usia dan sentiasa dalam rahmat pemeliharaan-Nya.

Sembah Takzim dari Pengerusi, Ahli-Ahli Perbadanan, Pengurusan dan Warga Kerja Kumpulan PKNP.



SELAMAT HARI ULANG TAHUN KELAHIRAN MENTERI BESAR PAHANG

Selamat Hari Ulang Tahun Kelahiran ke-63 kepada YAB. Menteri Besar Pahang, selaku Pengerusi Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang (PKNP), Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail pada 1 Oktober 2021.

Diucapkan semoga dikurniakan kesihatan yang baik, dilapangkan dada, dipermudahkan segala urusan dan dikurniakan kebaikan di dunia dan akhirat.

Ikhlas daripada Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, Pengurusan serta Warga Kerja Kumpulan PKNP.

Selamat Menyambut
ULANG TAHUN KELAHIRAN

YANG KE

63

YAB. Menteri Besar Pahang
merangkap
Pengerusi PKNP

Dato' Sri Haji Wan Rosdy Bin Wan Ismail
SSAP, SUMW, DSAP, DIMP, SMP, AMP.

* SEMOGA SENTIASA DALAM RAHMAT ALLAH SWT *



TGA SOLUTIONS JALIN KERJASAMA DENGAN ABU DHABI PORTS GROUP UNTUK BANGUNKAN KAWASAN TANJUNG AGAS, PEKAN



Sesi menandatangani MOU mengambil tempat di GEO Hotel, Genting Highlands

Genting Highlands, 30 September - TGA Solutions Sdn Bhd (TGAS) hari ini menandatangani perjanjian persefahaman bersama Abu Dhabi Ports Group yang berpangkalan di Abu Dhabi, UAE untuk meneroka peluang pembangunan sebuah kawasan perindustrian minyak, gas dan maritim di Kawasan Perindustrian Tanjung Agas (KPTA) yang berkeluasan lebih kurang 4,225 ekar.

Sesi menandatangani perjanjian ini disaksikan oleh YAM Tengku Abdul Rahman ibni Almarhum Sultan Haji

Ahmad Shah Al-Musta'in Billah, YAB. Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail, YB. Setiausaha Kerajaan Pahang, Dato' Sri Dr Sallehuddin bin Ishak, Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, Encik Mohd Faizal bin Jaafar dan Ketua Pegawai Eksekutif TGA Solutions Sdn Bhd, Dato' Haji Amiruddin bin Mohd Said.

Ketua Pegawai Eksekutif TGA Solutions Sdn Bhd, Dato' Haji Amiruddin bin Mohd Said berkata, TGAS berbangga memilih Abu Dhabi Ports Group, salah sebuah syarikat yang terunggul dalam memacu perdagangan dan industri untuk memajukan pembangunan Taman Perindustrian Minyak, Gas dan Maritim di Negeri Pahang.

Beliau berkata, Abu Dhabi Ports Group memiliki kepakaran dan pengetahuan yang luas dalam sektor tenaga dan peluang ini digunakan untuk memajukan Kawasan Perindustrian Tanjung Agas.



PKNP SUMBANG RM 1 JUTA KEPADA KERAJAAN NEGERI PAHANG



Penyerahan replika cek kepada Pengerusi PKNP, YAB. Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Haji Wan Rosdy Wan Ismail

Genting Highlands, 30 September - Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang (PKNP) hari ini menyumbang RM 1.0 juta kepada Kerajaan Negeri melalui Tabung Amanah Dana Khas Negeri Pahang.

Sumbangan ini disampaikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, Encik Mohd Faizal bin Jaafar kepada YAB. Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail dalam satu majlis ringkas penyerahan replika cek dari 9 buah syarikat induk Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC).

Dato' Sri Haji Wan Rosdy berkata, sumbangan ini adalah satu ketetapan dalam penyediaan bajet tahunan dan akan digunakan oleh Kerajaan Negeri untuk disalurkan kembali kepada rakyat di Negeri Pahang yang memerlukan.

Pada masa yang sama beliau hadir merasmikan Kursus Effective Corporate Governance & Business Ethics oleh Ahli Lembaga Pengarah Syarikat Berkaitan Negeri Pahang.

Turut hadir adalah YB. Setiausaha Kerajaan Pahang, Dato' Sri Dr. Sallehuddin bin Ishak, YB. Pegawai Kewangan Kerajaan Negeri Pahang, Dato' Indera Nazri bin Abu Bakar dan barisan Exco Kerajaan Pahang.

SELAMAT MENYAMBUT HARI MALAYSIA

Negara Malaysia dibentuk melalui Perjanjian Penubuhan Persekutuan Malaysia yang telah ditandatangani pada 31 Ogos 1963. Namun begitu, Malaysia akhirnya diisytiharkan pada 16 September 1963 di Stadium Merdeka, Kuala Lumpur.

Borneo Utara, Sarawak dan Singapura. Mulai tahun 2010, Hari Malaysia merupakan cuti am bagi semua negeri di Malaysia.

Selamat Menyambut Hari Malaysia.

Hari Malaysia disambut pada tanggal 16 September bagi memperingati penubuhan persekutuan Malaysia. Persekutuan ini terdiri daripada Malaya,

Ikhlas daripada Pengerusi, Ahli Perbadanan, Pengurusan dan seluruh Warga Kerja Kumpulan PKNP



Selamat Hari
Malaysia

16 September 2021 bersamaan 9 Safar 1443H

PROMOSI PERUMAHAN RTDE DI SEKITAR DAERAH KUANTAN DARI RM 169,800.00 - RM 399,800.00

PERAMU PERMAI FASA 2B (PEKAN)



HARGA DARI
RM 298,999.00

PERUMAHAN CHENDOR (BANDAR BARU CHENDOR)



HARGA DARI
RM 169,800.00
PEMBELI TERAWAL

PERAMU PERMAI FASA 4 (PEKAN)



HARGA DARI
RM 269,800.00
PEMBELI TERAWAL

PERUMAHAN CHENDERING (TAMAN TAS)



HARGA DARI
RM 299,900.00

MAHKOTA TRIANGLE (INDERA MAHKOTA 14)



HARGA DARI
RM 399,800.00

TAMAN SEBERANG BALOK (BALOK)



HARGA DARI
RM 230,500.00



SESI BOOK REVIEW
oleh
EKSEKUTIF PELATIH SESI 2021 / 2022



SESI PENGAUDITAN 5S



Sidang Redaksi

PENANGGUNG JAWAB / PENASIHAT
Encik Mohd Faizal bin Jaafar
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

PENYELARAS PENERBITAN
Tuan Haji Mohd Ibrahim bin Hashim

KETUA EDITOR
Encik Mohd Fahmi bin Abdul Ghani

GRAFIK
Puan Sharifah Nur Yusra binti Tuan Rasli
Encik Nik Mohd Khasyimi bin Nik Kamarulzaman

JURUFOTO
Encik Saiful Azli bin Yahia
Encik Nik Mohd Khasyimi bin Nik Kamarulzaman

Firman Allah S.W.T : "Daripada Abu Sa'id Al Khudri dan Abu Hurairah RA daripada Nabi SAW bersabda: "Tidaklah seorang Muslim yang ditimpa suatu penyakit dan keletihan, kekusaran dan kesedihan, gangguan dan kesusahan, bahkan duri yang melukainya melainkan Allah SWT akan menghapus kesalahannya." (Hadith riwayat al-Bukhari, No : 5641; Muslim, No : 2573, at-Tirmizi, No : 966, Ahmad, No : 7684, 8070, 10714)